

UPM catat rekod

DALAM usaha membudayakan amalan hijau dalam kampus, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah melancarkan skim rebat pembelian basikal RM300 kepada pelajar baru yang telah dilancarkan baru-baru ini.

Skim pembelian itu bertujuan menggalakkan pelajar menggunakan basikal dalam kampus dan seterusnya mengurangkan pelepasan karbon dari kenderaan bermotor.

Sebagai permulaannya, UPM mensasarkan seramai 300 pelajar akan menyertai program tersebut sebelum diikuti oleh 1,300 pelajar lain pula pada peringkat seterusnya.

Apa yang boleh dibanggakan, UPM adalah universiti pertama yang melaksanakannya dalam kalangan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di negara ini.





Mohd Fauzi (tengah) bersama pihak pengurusan UPM di hadapan Dewan Besar, UPM.



Kemudahan laluan untuk penunggang basikal disediakan.



Mohd Fauzi (kiri) melihat seorang pelajar memakai top keselamatan sempena pelancaran skim tersebut.

IPTA
PERTAMA
YANG
LAKSANA
REBAT
BASIKAL

Sokong kempen Kampus Hijau

Rebat RM300 yang ditawarkan kepada penuntut untuk pembelian basikal dilihat satu langkah positif diambil oleh pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) dan langkah ini sepatutnya disokong sepenuhnya oleh warga kampus terbabit.

Bukan mudah sebenarnya untuk memastikan usaha ini berjaya melainkan ia mendapat kerjasama daripada pihak pengurusan tertinggi sehinggalah sokongan daripada kumpulan penuntut.

Menurut Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, skim rebat itu sebenarnya untuk membantu penuntut membeli basikal pada harga yang lebih murah berbanding harga asal antara RM400 hingga RM450 sebuah.

"Dengan adanya tawaran skim tersebut, ia sekurang-kurangnya dapat membantu penuntut memiliki sebuah basikal untuk digunakan dalam kampus, sama ada berulang-alik ke dewan kuliah atau beriadah pada masa lapang.

"Saya jangkakan penggunaan basikal dalam kampus ini berjaya mencapai matlamatnya dan berharap terus mendapat sokongan daripada semua pihak dan boleh menjadi model rujukan kepada pihak luar yang berminat," katanya semasa pelancaran skim tersebut sempena majlis Ikrar Pelajar Baru Semester Pertama Sesi 2013/2014 baru-baru ini di Dewan Besar, UPM.

**JALIN KERJASAMA DENGAN
KUPUTRA BERHAD**

Mohd Fauzi berkata, Koperasi UPM

**Saya jangkakan
penggunaan
basikal dalam kampus ini
berjaya mencapai
matlamatnya dan berharap
terus mendapat sokongan
daripada semua pihak."**

MOHD FAUZI

Naib Canselor UPM

(Kuputra Berhad) dipilih untuk membantu penuntut membeli basikal dengan tawaran harga yang istimewa.

Sebagai contoh, jika harga basikal RM400, pelajar hanya perlu bayar RM100 dan setiap semester kami akan beri rebat RM50 selama enam semester menjadikan keseluruhan rebat diberi RM300.

Walau bagaimanapun, kita tidak menghadkan pembelian basikal dengan pihak koperasi sahaja kerana penuntut berhak membuat pilihan untuk membeli basikal di luar.

"Bagi penuntut yang membeli basikal di luar, mereka juga layak mendapat rebat sebanyak RM300 jika mengemukakan resit pembelian dan membawa basikal terbabit untuk didaftarkan dengan pihak hal ehwal pelajar.

"Pihak universiti tidak menghalang penuntut membuat pilihan asalkan mengikut kemampuan masing-masing," katanya.

SEDIA LALUAN KHAS

Penunggang basikal dalam kampus tidak perlu bimbang akan keselamatan diri kerana pihak UPM telah menyediakan laluan khas, khusus untuk penunggang basikal dan pejalan kaki.

Menurut Fauzi, program berbasikal ini akan dimulakan di enam kolej kediaman iaitu Kolej Kedua, Kolej Tun Dr Ismail, Kolej Canselor, Kolej Kelima, Kolej Keenam dan Kolej Alaeddin Suleiman Shah (KOSSAS).

"Bagi mencapai kempen ini, pihak UPM akan mengurangkan perkhidmatan bas bagi laluan di enam kolej kediaman berkenaan.

"Dalam masa sama, penuntut yang menunggang basikal tidak perlu bimbang untuk meletakkan basikal masing-masing kerana ruang letak basikal telah disediakan di setiap fakulti dan kolej," katanya.

**BERI BEKAS MAKANAN/MINUMAN
PERCUMA SOKONG KEMPEN**

Selain melancarkan skim rebat pembelian basikal, UPM turut ambil inisiatif dengan edar bekas makanan dan minuman kepada 3,291 penuntut baru bagi kurangkan penggunaan polisterin di kafeteria kampus ke arah melestarikan UPM menjadi Kampus Hijau.

Jika penuntut membawa bekas itu untuk mengisi makanan dan minuman yang dibeli di dalam kampus, pelajar layak mendapatkan diskaun sebanyak 20 sen.



Dua penuntut ini menunjukkan contoh pemakaian topi keselamatan untuk penunggang basikal.